

Soalan Lazim

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian Sr.1.2.2 Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* Dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

01

Bilakah pemakaian kadar baru Bayaran Pakaian Istiadat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)?

Kadar baru Bayaran Pakaian Istiadat iaitu

RM3,500.00

berkuat kuasa pada **3 Jun 2024**.

Tuntutan yang telah dibuat sebelum tarikh kuat kuasa adalah tertakluk kepada kadar terdahulu iaitu

RM1,500.00

02

Apakah komponen bagi Pakaian Istiadat?

Pakaian Siang (Lelaki): Jaket putih/ Seluar hitam/ Songkok hitam/ *Georget/ Apolet/ Kasut hitam*

Pakaian Siang (Lelaki): Jaket putih/ Seluar hitam/ Songkok hitam/ *Georget/ Apolet/ Kasut hitam*

Pakaian Siang (Wanita): Jaket putih/ kain sarung hitam/ topi hitam/ *georgette/ apolet/ tas tangan hitam/ kasut hitam*

Pakaian Malam (Wanita): Mess jaket putih/ baju panjang wanita hitam/ *apolet/ bengkung/ tas tangan/ kasut hitam*

03

Apakah definisi Batik Malaysia?

Definisi Batik Malaysia adalah seperti yang dinyatakan dalam surat edaran **JPA rujukan JPA. 100.1/4/1(13) bertarikh 21 Ogos 2023**.

Definisi batik Malaysia adalah seperti berikut: Batik Malaysia merupakan seni kraf hasil kerja tangan sepenuhnya atau sebahagiannya yang mempunyai motif beridentitikan seni dan budaya masyarakat Malaysia melalui proses pembuatan batik dengan menggunakan lilin batik atau bahan serta teknik halangan warna bagi menghasilkan reka corak. Batik Malaysia terdiri daripada:

- Batik Lukis
- Batik Terap
- Batik Sutera Saring
- Batik Alternatif

Maklumat lanjut batik Malaysia adalah seperti pautan berikut:

<https://shorturl.at/zVYkE>

04

Adakah pegawai yang memakai Pakaian Batik Malaysia untuk bertugas harian?

Pemberian Kemudahan BPMUR adalah merujuk kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang diarahkan oleh Ketua Jabatan secara penggiliran untuk bertugas secara fizikal semasa persidangan Parlimen atau DUN